

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 13
 RUANGAN : NASIONAL

Beri rawatan terbaik

*Kementerian
 Kesihatan cadang bina
 Jabatan Perubatan
 Nuklear ketujuh*

NORAFIDAH ASSAN

PORT DICKSON

Kementerian Kesihatan bercadang mewujudkan sebuah Jabatan Perubatan Nuklear di Pusat Perubatan Kanser, Sungai Petani, Kedah sebagai usaha memberikan rawatan lebih baik kepada pesakit.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, Pusat Perubatan Kanser di Sungai Petani itu masih dalam pembinaan dengan kos sebanyak RM500 juta dan dijangka siap tiga tahun lagi.

"Ini menjadikan Jabatan Perubatan Nuklear yang ketujuh selepas enam hospital sebelum ini dileng-



Boon Chye (tiga dari kanan) melawat pameran selepas merasmikan Persidangan Perubatan Nuklear Peringkat Kebangsaan 2019 di Port Dickson semalam.

kapi dengan jabatan tersebut.

"Enam hospital itu ialah Hospital Kuala Lumpur, Hospital Pulau Pinang, Institut Kanser Negara, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Hospital Umum Sarawak dan Hospital Sultanah Aminah," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Perubatan Nuklear Peringkat Kebangsaan 2019 di sini semalam.

Menurutnya, pihaknya yakin dengan penambahan jabatan itu di utara, ia mampu memberikan perkhidmatan dan rawatan lebih baik kepada pesakit.

Sementara itu, Boon Chye berkata, kementerianya telah memperuntukkan kira-kira RM5 bilion untuk menaik taraf kemudahan di hospital sedia ada, selain membina hospital baharu di seluruh negara.